

2 JAN 1996

Mahathir - Pasport (Bergambar)

BAYARAN PASPORT NAIK UNTUK KURANGKAN RAKYAT KE LUAR NEGERI, DR M

PELABUHAN KLANG, 2 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kenaikan bayaran pasport yang berkuatkuasa semalam bertujuan untuk mengurangkan rakyat Malaysia daripada pergi ke luar negeri dan dilaksanakan setelah kerajaan menimbangkannya dengan mendalam.

Perdana Menteri berkata terlalu ramai rakyat Malaysia yang pergi ke luar negeri, kira-kira 30 peratus daripada jumlah pendudukan berbanding dengan hanya 10 peratus daripada rakyat Jepun yang berbuat demikian.

"Kalau mereka hendak pergi juga (ke luar negeri) mereka kena bayarlah sedikit," katanya kepada pemberita di sini selepas melancarkan pelayaran terus pertama kapal kontena terbesar di dunia "OOCL California" merentasi Pasifik dari Pelabuhan Klang ke Pantai Barat Amerika Syarikat.

Ketika diminta mengulas kenaikan bayaran pasport sehingga 141 peratus itu, Dr Mahathir berkata walaupun kenaikan bayaran itu tidak akan menghalang semua rakyat daripada pergi ke luar negeri tetapi ia boleh mengurangkannya.

"Kita tak boleh nak menghalang semua orang (daripada pergi ke luar negeri) Tetapi sekurang-kurangnya menghalang sesetengah orang yang saja-saja nak buat pasport walaupun bukan nak ke mana-mana," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka yang memohon pasport hanya untuk menyimpannya sahaja merupakan antara sebab berlakunya kesesakan di Jabatan Imigresen.

"Mereka ini mempunyai mentaliti corak lama yang berasa tidak selamat kalau tidak ada pasport...orang semacam tu tak perlulah ambil (pasport)," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengkaji semula kadar bayaran pasport itu, beliau berkata kerajaan sudah memikirkan panjang sebelum melaksanakan kenaikan bayaran itu.

"Ia dilaksanakan bukannya kerana sengaja hendak mencari duit tetapi kerana tidak mahu menggalakkan orang ramai daripada terlalu banyak berjalan ke luar negeri," katanya.

Ketika ditanya kesannya terhadap rakyat berpendapatan rendah, Perdana Menteri berkata rakyat berpendapatan rendah tidak berjalan ke luar negeri manakala bagi pelajar yang ke luar negeri dengan biasiswa pula, bayaran (bagi pasport itu) dibayar untuk mereka.

Ketika ditanya mengapa pengumuman kenaikan bayaran itu dibuat secara mengejut tanpa amaran, Dr Mahathir berkata kalau diberi amaran atau diberitahu kepada akhbar terlebih dahulu, akan berlakulah perdebatan yang panjang dan bermacam-macam lagi.

Jabatan Imigresen mengumumkan pada 30 Dis kadar bayaran baru bagi permohonan pasport antarabangsa dinaikkan daripada RM60 kepada RM145 untuk 32 muka surat dan daripada RM100 kepada RM265 untuk 64 muka surat selain kenaikan bagi dokumen-dokumen perjalanan yang lain.

Sementara itu Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob berkata kenaikan kadar bayaran itu bukan untuk menyeksa rakyat.

Sebaliknya, kata beliau, ia bertujuan antara lain membantu negara mengurangkan defisit akuan semasa dengan tidak menggalakkan rakyat melancong ke luar negara.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas perhimpunan khas Jabatan Imigresen di Kuala Lumpur hari ini, Megat Junid berkata melancong ke luar negara telah dikenal pasti sebagai satu daripada punca defisit itu.

"Biarlah orang yang banyak duit sahaja melancong ke luar negara

sementara golongan sederhana melancong dalam negeri," katanya.

Lagi pun, kata beliau, kenaikan itu wajar dilakukan kerana kali terakhir kenaikan itu dilakukan ialah 10 tahun lepas.

Megat Junid juga berkata dengan kenaikan itu Jabatan Imigresen akan dapat mengawasi dengan lebih rapi terhadap setiap permohonan.

Ketika mengulas rungutan orang ramai terhadap kenaikan bayaran untuk barangan dan perkhidmatan lain seperti tol pula, Dr Mahathir berkata kerajaan sudah berusaha seberapa yang boleh supaya ia tidak naik dan menahan kenaikannya walaupun ia sudah dijanjikan kepada syarikat konsesi.

"Misalnya Metramac yang sudah membina jalan itu sekian lama...kita tak kenakan (tol) satu sen pun selama bertahun-tahun sehingga ia siap. Itu syarat yang kita berikan.

"Sepatutnya ia dikutip sejak tahun 1990...ingat..masa bising-bising dahulu...untuk lima tahun kita tidak kutip, cuba tengok berapa banyak kita tak kutip. Kini kita kena bagilah 'recovery' juga kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata tol dikenakan terhadap mereka yang mempunyai kereta sahaja manakala bagi mereka yang menaiki bas pula, setiap orang kena membayar sedikit sahaja.

Dr Mahathir juga menyebut tentang perlunya pengangkutan awam memberikan perkhidmatan yang efisien kepada orang ramai. -- BERNAMA